

MOHD Samsudin
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

PAHANG SEKITAR ABAD KE 19 MENURUT PANDANGAN PEGAWAI-PEGAWAI BRITISH¹

Sebelum campurtangan British ke negeri Pahang pada 1888, pegawai British kurang mendapat pendedahan mengenai negeri ini, tidak sepertimana negeri-negeri Melayu yang lain seperti Perak, Selangor dan negeri Sembilan. Pahang pada abad ke 19 adalah sebuah negeri yang unik kerana negerinya yang luas tetapi tidak mempunyai ramai bilangan penduduk tempatan dan orang asing seperti Cina, India dan Eropah. Maklumat yang terhad adalah disebabkan tiadanya eksplorasi yang dilakukan oleh pegawai-pegawai British mengenai negeri ini. Namun demikian, pihak British amat berminat untuk meluaskan pengaruh di Pahang kerana menganggap dengan saiznya yang besar mereka menjangkakan bahawa negeri ini mempunyai kekayaan sumber emas dan bijih timah. Oleh itu, sebelum campurtangan, pihak British amat bergantung kepada maklumat mengenai negeri ini khususnya mengenai sistem pentadbiran dan perkembangan masyarakat Melayu yang mendiami negeri ini. Kertas ini akan membincangkan keadaan masyarakat negeri Pahang menurut laporan dan pandangan yang berikan oleh pegawai-pegawai British sebelum pentadbiran British di negeri ini. Kajian menggunakan dokumen daripada sumber penulisan pegawai-pegawai British sekitar abad ke 19 yang telah memberikan maklumat mengenai keadaan negeri Pahang. Kajian juga mendapati keyakinan bahawa negeri Pahang mempunyai sumber kekayaan hasil bumi telah menarik minat pegawai-pegawai British untuk campurtangan di negeri ini.

Katakunci: masyarakat Melayu Pahang, pentadbiran British, sejarah Pahang

Prior to the British occupation in Pahang, British officers had little knowledge of the state compared to other Malay states such as Perak, Selangor and Negeri Sembilan. During the 19th century, Pahang was known to be unique due to its vastness in size but small in population of both local people and foreigners such as the Chinese, Indians and Europeans. As the British officers had never explored the Pahang territory, they knew little of what Pahang had to offer. Nonetheless, they were interested in expanding British in the state due to the fact that the state's vast size could also mean abundance in natural resources such as tin that could potentially generate big income, and thus offer economic wealth. Therefore, the British were greatly reliant on information concerning the activities of the Malay community in Pahang. This article discusses these activities based on British reports and opinions, as well as their efforts toward British intervention in Pahang.

¹ Gambaran umum mengenai tajuk ini adalah merujuk kepada penulisan oleh R.G. Cant, *An Historical Geography of Pahang*, Monograph of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society (MBRAS), Times Printers Sdn. Bhd, Singapore, No. 4, 1972.

Keywords: *Pahang Malay community, British administration, history of Pahang*

Pengenalan

Bermula tahun 1870 kuasa-kuasa Eropah memasuki fasa baru dalam perluasan tanah jajahan mereka di luar. Mereka yang sudah mempunyai wilayah jajahan berusaha memperluaskan sementara kuasa baru bersama-sama berlumba bersaing mendapatkan wilayah-wilayah di Asia, Afrika dan Pasifik. Britain sebagai sebuah kuasa yang sudah bertapak di Tanah Melayu berusaha memperluaskan pengaruh mereka. Sebelum 1874 hanya Singapura, Melaka dan Pulau Pinang bersama-sama Seberang Prai dan Dinding berada dibawah pengaruh mereka. Bagaimanapun pada tahun yang sama Sir Andrew Clarke, Governor British di Negeri-negeri Selat telah menggalakkan dasar kehadiran menjadikan Perak, Selangor dan Sungai Ujong di bawah perlindungan British. Helah mendapatkan Pahang diletakkan menjadi negeri naungan tidak dapat digunakan oleh Clarke kerana British tidak mempunyai sebarang alasan untuk memaksa pembesar Pahang untuk menerima kehadiran mereka. Kesukaran juga disebabkan di Pahang tidak berlaku sebarang kekacauan di kalangan kumpulan imigran.

Usaha Clarke pada peringkat awal hanya cuba memujuk Bendahara Wan Ahmad, pemerintah negeri Pahang untuk menerima penasihat dan pembantu dalam pentadbiran negeri Pahang telah ditolak oleh Bendahara. Clarke meninggalkan Tanah Melayu tanpa dapat menguasai Pahang.² Pengganti Clarke, William Jervois berusaha meneruskan usaha Clarke. Dalam bulan Julai 1875, Jervois telah datang ke Pahang untuk memujuk Bendahara Wan Ahmad supaya menerima seorang penasihat British. Bagaimanapun, melalui pengalaman yang dilihat ke atas negeri-negeri Melayu yang lain, Bendahara terus enggan menerima penasihat British. Minat British ke negeri Pahang berhenti seketika dengan perkembangan penentangan yang berlaku di Perak yang mengakibatkan pembunuhan J.W.W. Birch pada 1875. Pihak Pejabat Tanah Jajahan British terpaksa mengambil tindakan keras dengan menahan dan menghukum mati pemimpin-pemimpin tempatan yang terlibat dalam pembunuhan Birch, antaranya Dato' Sagor, Dato' Maharaja Lela dan Si Putum. Manakala Raja Abdullah telah dibuang negeri ke Pulau Seycheles. Oleh itu penumpuan British ialah untuk menghalang berlakunya kebangkitan penentangan yang lebih besar di Perak serta menambahkan lebih ramai anggota polis ke sana.

Usaha British untuk campurtangan di Pahang diusahakan kembali apabila Sir Frederick Weld menjadi Gabenor British di Singapura. Weld tiba di Singapura pada bulan Mei 1880 pada ketika usianya 56 tahun untuk menjawat jawatan Gabenor. Weld sebelum ini mempunyai rekod pentadbiran yang berjaya sebagai pegawai British di New Zealand dan Australia.³ Apabila tiba di Singapura, beliau mendapati pihak British masih

² Eunice Thio, "The Extension of British Control to Pahang", *Journal of Malayan Branch, Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, vol. 30, 1957, hlm. 51.

³ Frederick Weld tiba di New Zealand pada usia 20 tahun sehinggalah beliau berumur 44, memegang beberapa jawatan seperti ahli Majlis Esekutif, Menteri Hal-ehwal Penduduk Asli dan Perdana Menteri pada 1864. Tiga tahun kemudian Weld dilantik menjadi Gubernur Australia Barat dan kemudian berpindah ke Tasmania memegang jawatan yang sama pada 1874. Weld berpindah ke Singapura dengan pengalaman yang banyak dan berpegang kepada keyakinan bahawa British akan mendapat banyak keuntungan apabila memperluaskan tanah jajahannya. Sila rujuk Lady Alice Lovat, *The Life of Sir Frederick Weld: A Pioneer*

belum secara aktif memperluaskan dasar penjajahan di negeri-negeri Tanah Melayu yang dianggap beliau mempunyai sumber kekayaan yang boleh menjamin keuntungan ekonomi kepada Britain. Weld yang melawat negeri-negeri pantai barat semenanjung berpandangan kawasan ini sesuai bagi tanaman kopi, tebu, teh, lada hitam dan lain-lain tanaman ekonomi. Negeri-negeri Melayu juga mempunyai kekayaan bijih timah yang mempunyai permintaan yang tinggi di Eropah selepas berlakunya revolusi industri. Walaupun mempunyai sumber hasil kekayaan tetapi ianya masih belum dieksplorasi. Apa yang diperlukan oleh negeri-negeri Melayu ini, menurut Weld adalah jaminan keselamatan nyawa dan harta benda dan bilangan penduduk yang ramai untuk membolehkan sumber-sumber ini dikeluarkan dari negeri-negeri Melayu demi kepentingan Britain. Oleh itu Weld bercita-cita untuk membantu memperkembangkan penguasaan ekonomi dan perdagangan British di negeri Pahang.

Minat Pegawai-Pegawai British terhadap Pahang

Pahang mempunyai tarikan kepada pegawai-pegawai British kerana beberapa sebab. Pertama Pahang pada abad ke 17 dan 18 merupakan sebuah wilayah di garisan lintang Asia yang mempunyai jumlah penduduk yang kecil. Jika dibandingkan dengan Borneo, Sumatera, selatan Siam, selatan Filipina, negeri Pahang pada ketika itu kurang dihuni dan kurang maju dan masih kurang diketahui oleh dunia luar. Bagaimanapun potensi sebagai pengeluar bijih timah dan getah menjadikan Pahang sebagai sasaran penguasaan pihak British. Dalam masa yang sama pihak British cuba mengelakkan Pahang daripada jatuh ke tangan mana-mana kuasa asing yang lain.

Pegawai-pegawai British mempunyai minat dan tanggungjawab untuk membuat laporan mengenai negeri Pahang terutama dari segi sejarah dan geografinya yang masih belum diketahui sepenuhnya oleh pihak London. Sudah banyak yang diketahui dan banyak yang ditulis mengenai perdagangan di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura sedangkan dalam masa yang sama negeri-negeri pantai barat semenanjung telah mendapat pendedahan. Pahang kekal dalam kesamaran kerana belum ada penjelajahan dan penulisan yang dapat memberikan gambaran sebenar negeri ini kepada kerajaan dan pegawai-pegawai British. Bagaimanapun kebanyakan pegawai-pegawai British berandaian negeri Pahang mempunyai sumber galian bijih timah yang banyak sepertimana negeri-negeri di sebelah pantai barat. Oleh itu ia menjanjikan pulangan hasil pendapatan yang lumayan kepada kerajaan British.

Gambaran dan penulisan mengenai sejarah awal Pahang sehingga kedatangan British pada abad ke 19 masih kurang perhatian daripada pegawai-pegawai British. Penulisan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai British lebih berbentuk sejarah dan geografi negeri ini. Antara yang terkenal ialah yang ditulis oleh W. Linehan mengenai sejarah Pahang di antara zaman awal hinggalah zaman kedatangan British. Linehan yang menggunakan hampir sepanjang tempoh perkhidmatannya di Pahang adalah ahli arkeologi dan sastera Melayu. Hasil penulisan beliau yang paling penting ialah *A History of Pahang* yang diterbitkan dalam makalah *Journal of the Malayan*

of Empire, London, 1924; Eunice Thio, "The Extension of British Control to Pahang", *Journal of Malayan Branch, Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, hlm. 47.

Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS), volume 14, Bilangan 2 tahun 1936.⁴ Penerbitan Linehan kemudiannya diterbitkan semula dalam bentuk monograf oleh The Malayan Branch of Royal Asiatic Society di Kuala Lumpur pada tahun 1972.

Kenapa pegawai-pegawai British membuat penulisan mengenai masyarakat Melayu dan sejarah Pahang? Dalam merencana dasar British ke negeri-negeri Melayu mereka memerlukan gambaran sebenar mengenai kehidupan, masyarakat dan sejarah negeri ini. Dalam masa yang sama sudah terdapat banyak tulisan sejarah dan masyarakat Melayu di Melaka dan Pulau Pinang kerana negeri ini sudah menerima lawatan daripada orang-orang Eropah yang lain termasuklah Inggeris. Bagaimanapun keadaan negeri Pahang agak berbeza kerana disamping ia tidak didatangi oleh orang-orang Inggeris, dan tiada dokumen-dokumen mengenai negeri Pahang tersimpan dalam gedung-gedung ilmu dan dokumen di Belanda, Portugal, Perancis, India dan China. Menjelang akhir tahun-tahun 1960-an barulah pihak British mengambil langkah serius untuk mengumpulkan dokumen dan penulisan mengenai negeri-negeri Melayu antaranya negeri Pahang. Badan yang memainkan peranan penting ialah *Public Record Office* dan juga penubuhan agensi khas iaitu Arkib Kebangsaan pada 1957. Disamping itu terdapat juga beberapa orang pegawai British seperti W.M. Davison, ketua ekspedisi pelayaran bersama-sama H.N. Ridley, seorang tokoh pertanian dan rombongannya yang telah melawat negeri Pahang. Davison mencatatkan pelayaran menaiki kapal Sea Belle pada Ogos 1889 dari Singapura ke Pahang bertemu dengan penduduk Melayu yang dalam keadaan miskin dan masih mundur. Ridley pula telah mencatatkan pemerhatian beliau mengenai pokok-pokok kelapa dan hutan yang terdapat di negeri Pahang.⁵ Lawatan Ridley telah membuka peluang pengenalan tanaman pokok getah ke negeri Pahang kemudiannya. Davison ada mencatatkan pemerhatian beliau mengenai negeri Pahang iaitu;

*“The country in the immediate vicinity of Pekan is quite flat, the plains being covered with short grass. On the higher and drier ground, are larger or smaller patches of scrub or secondary jungle, and occasionally a Malay house, surrounded with plantain, durian, and other fruit trees, is met with. Far in the distance could be seen heavy forest, but within many miles of Pekan nearly all the larger forest has been felled.”*⁶

Fail-fail Jabatan

Penulisan mengenai keadaan negeri Pahang banyak dilakukan apabila pihak British berjaya menjalankan pentadbirannya di negeri ini. Adalah dijangkakan terdapat hampir 1.5 juta fail rasmi Residen British di negeri Pahang sewaktu pentadbiran British di negeri ini.⁷ Sebagai tambahan terdapat banyak lagi fail yang berkaitan disimpan oleh kerajaan pusat di Kuala Lumpur dan tempat-tempat lain. Kebanyakan fail-fail ini

⁴ W. Linehan, “A History of Pahang”, *Journal of Malayan Branch, Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, vol. 14, 1936. hlm. 1-252. Penulisan ini diterbitkan semula dalam bentuk monograf. Sila rujuk W. Linehan, 1972, *A History of Pahang*, The Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS), Kuala Lumpur.

⁵ W.M. Davison, “Journal of a Trip to Pahang with H.E. the Governor, August 17 to 27 1889”. *Journal of Malayan Branch, Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, hlm. 83-90.

⁶ *Ibid.*, hlm. 85.

⁷ R.G. Cant, *An Historical Geography of Pahang*, hlm.4.

mengandungi laporan mengenai lawatan pegawai-pegawai kerajaan ke kawasan-kawasan di negeri Pahang, berbagai aktiviti ekonomi dan kegiatan masyarakat seperti permohonan perlombongan atau pertanian sehinggalah fail-fail yang mengandungi bukti-bukti yang diambil daripada saman sivil atau jenayah. Bagaimanapun terdapat juga masalah daripada keseluruhan fail yang disimpan kerana kadang kala tiada dokumen yang disimpan dalam sesuatu fail. Antara 1962-63, Arkib Negara Persekutuan Tanah Melayu (kemudiannya dikenali sebagai Arkib Negara Malaysia) menyimpan beberapa fail dari Pegawai Daerah Kuantan tetapi masih belum mengetahui rekod-rekod yang masih ada di Pahang. Bagaimanapun menjelang 1970-an secara berperingkat-peringkat Arkib Negara telah mengambil langkah mengumpulkan rekod-rekod dan fail-fail dari negeri Pahang. Pada hari ini rekod-rekod mengenai pentadbiran British di negeri Pahang ada tersimpan di Arkib cawangan Negeri di Terengganu dan juga di Arkib pusat di Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Penulisan mengenai keadaan negeri-negeri Melayu adalah menjadi keperluan bagi setiap pegawai British yang dihantar bertugas di tanah-tanah jajahannya. Setiap pegawai British yang bertugas di Tanah Melayu yang ditugaskan sama ada di negeri atau bahagian atau daerah dikehendaki menulis laporan tahunan dan mengumpulkan data-data (statistic) yang diserahkan kepada pegawai atasan mereka.⁸ Laporan daripada pegawai rendah digunakan sebagai bantuan kepada laporan pegawai-pegawai besar. Laporan daerah dan jabatan negeri kemudiannya diserahkan kepada Residen British yang kemudiannya bertanggungjawab menyediakan laporan tahunan bagi negeri Pahang. Laporan-laporan yang disediakan juga dihantar kepada jabatan perhubungan Persekutuan yang menerima bersama-sama laporan dari negeri-negeri lain yang melengkapkan Laporan Jabatan Negeri-negeri Tanah Melayu. Kedua-dua laporan tahunan negeri Pahang dan laporan pentadbiran dan Jabatan Negeri-negeri Melayu Bersekutu diterbitkan. Walaubagaimanapun, laporan-laporan daerah dan pejabat-pejabat lain yang tidak diterbitkan tetapi pada kebiasaannya disimpan dalam fail-fail pejabat dimana ianya ditulis. Paling menarik perhatian ialah laporan-laporan ini sebenarnya lebih terperinci daripada yang diterbitkan dan ianya amat bernilai dari segi ketepatan dan matlamat sesuatu laporan itu dibuat. Walaubagaimanapun, sebahagian daripada catatan dan laporan ini sukar didapati dan ada diantaranya sudahpun hilang dan rosak.

Gambaran Mengenai Negeri Pahang

Penulisan pegawai-pegawai British mengenai negeri Pahang pada abad ke 18 dan 19 menggambarkan bahawa mereka kagum kerana negeri Pahang merupakan sebuah negeri yang terbesar di Tanah Melayu yang mempunyai flora dan fauna yang menakjubkan. Ia dianggap sebagai negeri berasaskan sungai kerana mempunyai beberapa sungai yang penting terutamanya Sungai Pahang yang menjadi nadi kehidupan hampir sebahagian penduduknya. Sungai Pahang adalah sungai terpanjang di negeri Tanah Melayu, telah menyumbang kepentingan kepada negeri ini bukan sahaja sebagai laluan komunikasi tetapi juga sebagai sumber ekonomi. Hulunya bermula dari Sungai Jelai di banjaran Titiwangsa mengalir Lipis, kemudiannya ke Sungai Tembeling di Jerantut dan Kuala Tembeling. Manakala di hilirnya Sungai Pahang mengalir beberapa bandar utama iaitu bermula dari Temerloh, Maran, Pekan dan Kuantan. Selain itu, Sungai Pahang juga

⁸ Ibid.

melalui Rompin sementara di sebelah selatan Sungai Endau penting sebagai laluan dan sempadan dengan negeri Johor. Selain sungai, Pahang juga mempunyai tarikan dengan tanah tingginya yang membentuk banjaran di sepanjang semenanjung.

Gray adalah merupakan orang Inggeris terawal yang berjaya memasuki kawasan pedalaman Pahang pada 1827. Tujuan lawatannya pada 2 Januari 1827 ialah mendapatkan serbuk emas yang ditukar dengan candu. Gray telah mendedahkan mengenai kegiatan perlombongan emas di sekitar Jelai yang dijalankan oleh pelombong Cina dan mengandaikan potensi simpanan sumber galian yang banyak di Pahang.⁹ Penulisan Gray telah memberikan maklumat terhadap rupabumi negeri Pahang khususnya mengenai mukabumi kawasan pedalaman. Ia telah mendorong pegawai British yang berada di Singapura untuk mendesak kerajaan British di London untuk memperluaskan pengaruhnya ke Pahang. Tokoh geologi awal yang mengkaji mengenai bentuk muka bumi negeri Pahang pula ialah J.B Scrivenor dengan tulisan bertajuk *The Geology of Malaya* dan J.A. Richardson bertajuk *An Outline of the Geomorphological Evolution of British Malaya* dalam tahun 1947.¹⁰ Maklumat mengenai tanah (soil) di Pahang pula telah dihasilkan melalui penyelidikan ahli geologi British bernama W.P. Panton pada tahun 1964. Klasifikasi yang lebih praktikal mengenai kandungan tanah memberikan maklumat penting bagi potensi tanaman dan kegiatan pertanian di kawasan-kawasan yang berbeza di negeri Pahang.¹¹

Catatan Pegawai British mengenai Pahang

Menjelang 1880an, British sudah mewujudkan pentadbirannya di negeri-negeri Selat dan di negeri-negeri di sebelah selatan Perak, Melaka dan Sungai Ujong. Negeri-negeri di sebelah pantai timur lebih dahulu dikenali oleh pedagang-pedagang Asia tetapi kurang dilawati oleh kapal-kapal perdagangan Eropah. Selepas pembukaan Singapura 1819 perdagangan pantai di antara pelabuhan Singapura dan Pahang diuruskan secara eksklusif oleh kapal-kapal China dan kapal-kapal kecil yang dikemudi oleh orang Melayu atau Bugis dari Celebes.¹² Laluan dahulukala dikenali sebagai “penarikan” tidak digunakan sepenuhnya dan pemerintah Melayu juga berkeras menolak sebarang permohonan orang-orang Eropah untuk memasuki dan melawat ke kawasan-kawasan pedalaman. Oleh itu, bagi orang-orang Eropah, Pahang adalah merupakan sebuah negeri yang masih belum dikenali termasuk potensi ekonominya daripada hasil bumi dan kekayaan hasil hutannya. Bagaimanapun perkembangan ini tidak bertahan lama kerana dengan kehadiran British melalui campurtangannya di Pahang pada 1888, negeri Pahang telah “dibuka” kepada masyarakat luar. Pengenalan sistem perhubungan jalan laut disebelah pantai timur dengan penggunaan enjin wap telah dijadikan sebagai sistem pengangkutan utama untuk menghubungkan negeri ini dengan Singapura. Malahan para

⁹ W. Linehan, *A History of Pahang*, hlm. 57-9.

¹⁰ J.B Scrivenor, *The Geology of Malaya* dan J.A Richardson, “An Outline of the Geomorphological Evolution of British Malaya. *Geological Magazine*, Vol. 8, 1947, hlm. 130.

¹¹ W.P. Panton, “The 1962 Soil Map of Malaya”, *Journal of Tropical Geography* (J.T.G), Vol 18, 1964, hlm. 118-124.

¹² J Horsburgh, *The Indian Directory*, Vol. 2, hlm. 317; L.A. Mills, “British Malaya”, (*Journal of Malayan Branch, Royal Asiatic Society*) *JMBRAS*, Part 3, hlm. 231-2; R.G. Cant, *An Historical Geography of Pahang*, hlm. 26.

pembesar negeri Pahang juga menggunakan kemudahan kapal wap bagi mereka pergi ke Singapura dan negeri-negeri sebelah pantai barat.

Bermula tahun 1875 kegiatan penjelajahan (explorer) Eropah telah kian rancak di negeri-negeri semenanjung Tanah Melayu. Dalam hal ini Pahang juga turut menerima limpahannya. Pada tahun 1875 dua orang berbangsa Eropah telah melakukan pengembaraan ke Pahang. Seorang daripadanya ialah Baron M. de Mikluho-Maclay ahli ethnology (kaji manusia) berbangsa Russia mendarat di Pekan dan mengembara ke utara Pahang dan Sungai Tembeling; kemudiannya menyeberang ke Kelantan. Pihak British tidak mahu ketinggalan dan beberapa bulan kemudian satu kumpulan juruukur diketuai oleh D.D. Daly menyeberang dari Negeri Sembilan ke Pahang menggunakan laluan “penarikan” dan berjalan arah ke selatan menuju Seriting, Bera dan Ulu Sungai Pahang sehingga ke Pekan. Kedua-dua kumpulan ini telah diterima mengadap Bendahara Wan Ahmad pemerintah negeri Pahang tetapi mereka tidak digalakkan untuk melawat kawasan emas serta tidak diberikan lokasi sebenar kawasan-kawasan penggalian emas di negeri ini.¹³ Pengembaraan kumpulan ini memberi kesan besar kerana hasil penting ialah mereka telah melakarkan peta perjalanan mereka yang boleh menggunakan jalan darat untuk ke Pahang di samping menjangkakan terdapatnya emas di negeri ini. Dapatan lain ialah laporan mengenai jumlah penduduk Melayu yang begitu kecil serta hampir ketiadaan penduduk asing mendiami negeri ini. Bagaimanapun tiada minat yang mendalam daripada pegawai-pegawai British untuk meneruskan penjelajahan ke seluruh negeri Pahang disebabkan oleh sikap Bendahara Wan Ahmad yang tidak menggalakkan orang-orang Eropah menjelajah negeri Pahang.

Bagaimanapun di antara tahun 1882 dan 1884 keadaan mula berubah. Ini berikutan Bendahara Wan Ahmad yang melakukan beberapa siri lawatan ke Singapura dan bertemu dengan pedagang-pedagang kaya dari kalangan Arab, China dan Eropah yang mula terdedah dengan minat untuk membuka peluang ekonomi kepada mereka. Beliau kemudiannya bersedia menceritakan maklumat mengenai sumber-sumber kekayaan Pahang dan kedudukan hasil bumi di negeri ini kepada pedagang-pedagang luar.¹⁴ Perkembangan ini telah menarik minat pedagang-pedagang Arab dan China dan pembesar dari Johor dan kemudiannya diikuti oleh pedagang-pedagang Eropah membuat pelaburan membuka lombong-lombong di negeri Pahang. Walau bagaimanapun syarikat-syarikat perlombongan Eropah telah memonopoli kawasan di utara Pahang dan juga kawasan-kawasan seperti Jelai, Lipis, Semantan dan Triang.¹⁵ Manakala pedagang-pedagang Arab dan Cina lebih banyak tertumpu di kawasan Pekan dan sekitarnya pantai Pahang.

Kedatangan pedagang-pedagang Cina dan Arab ke Pahang telah menimbulkan rasa kurang senang di kalangan pegawai-pegawai British dan menyedarkan mereka untuk menjadi lebih aktif. Usaha awal dilakukan oleh Sir Frederick Weld, Gabenor British di Singapura pada 1882 apabila beliau memberitahu Bendahara Wan Ahmad niatnya untuk melawat Pahang. Bendahara yang mengetahui niat Weld sebenarnya mahu campurtangan di negeri Pahang menolak permintaan lawatan Weld bertemu beliau dengan memberikan

¹³ D. D. Daly, 1882, “Survey and Explorations in the Native States of Malayan Peninsula, 1875-1882”, *Geographical Journal*, Vol. 4, London, hlm. 401.

¹⁴ Lawatan pertama Bendahara Wan Ahmad ke Singapura ialah pada tahun 1863.

¹⁵ Cant, *An Historical Geography of Pahang*, hlm. 27.

alasan bahawa dewan untuk merima tetamu di istananya masih belum siap.¹⁶ Tindakan Bendahara Wan Ahmad enggan bertemu dengan Weld menyelamatkan Pahang buat seketika daripada campurtangan British. Weld pula sebaliknya terus berusaha mencari jalan untuk campurtangan di Pahang. Pada awal tahun 1883 Weld menyiasat secara rahsia kematian Syed Salim bin Bakil, seorang Arab dan juga rakyat British yang khobar angin mengatakan beliau mati diracun di Pahang. Weld cuba melobi Setiausaha Kolonial menggunakan kematian Syed Salim sebagai alasan untuk campurtangan di Pahang secara kekerasan. Bagaimanapun, cadangan ini ditolak oleh Pejabat Kolonial menyebabkan Weld terpaksa menangguhkan rancangannya buat sementara waktu.¹⁷

Peluang pihak British untuk campurtangan di Pahang mula terserlah pada tahun 1884, apabila Engku Muda Wan Mansur, adik kepada Bendahara Wan Ahmad menulis surat kepada W.H.M Read, seorang yang berpengaruh di Singapura meminta Sir Cecil Clementi Smith, Gabenor British di Singapura membantu menyelesaikan perbalahannya dengan abangnya iaitu Bendahara Wan Ahmad. Antara masalah Engku Muda ialah beliau tidak berpuashati dengan jawatan dan elaun beliau. Smith dan pegawai-pegawai British di Singapura merancang menggunakan Wan Mansur sebagai kunci untuk campurtangan di Pahang.¹⁸ Atas desakan British, Bendahara Wan Ahmad bersetuju memberikan Wan Mansur jawatan Raja Muda semula dan memberikan elaun sebanyak \$200 sebulan, kadar yang ditentukan oleh Cecil Smith.¹⁹ Keputusan Bendahara Wan Ahmad menerima cadangan Cecil Smith adalah sebagai usaha untuk mengelakkan pihak British untuk campurtangan secara langsung di Pahang. Walaupun berjaya campurtangan terhadap masalah antar Wan Ahmad dan adiknya Wan Mansur tetapi pengetahuan pegawai-pegawai British di Singapura mengenai Pahang adalah masih amat terhad serta tidak tahu sejauhmana sokongan penduduk terhadap Wan Mansur. Pengalaman buruk mereka di Perak pada 1874 sehingga kematian J.W.W. Birch, mengajar pihak British perlunya berhati-hati.²⁰

Keputusan untuk menaikkan kadar elaun telah memberikan kesan Wan Mansur untuk pulang ke Pahang. Dalam bulan Mei 1885 Wan Mansur yang merancang bersama-sama Frank Swettenham untuk bertemu di Pahang telah belayar meninggalkan Singapura menuju Pekan menggunakan kapal wap kerajaan British bernama "Sea Belle". Frank Swettenham bagaimanapun telah memasuki Pahang melalui jalan darat dari Perak dengan misi menyelesaikan perbalahan Wan Ahmad dan adiknya Wan Mansur serta perbalahan sempadan Pahang-Jelebu. Swettenham telah dihantar oleh Cecil Clementi Smith yang menjangkakan usaha terbaik dengan pembesar Pahang lebih berpeluang membawa campurtangan mereka di negeri ini.²¹ Anggota rombongan Swettenham telah menggunakan jalan menyeberang dari Batu Gajah, Perak dan menuruni Lipis, Jelai dan Sungai Pahang menuju ke Pekan. Swettenham adalah merupakan pegawai British yang pertama menjelajah melalui pendalaman Pahang dan pengembaraannya ini telah dicatat dan diterbitkan pada tahun yang sama.²² Antara jumpaan penting Swettenham ialah sudah

¹⁶ Bendahara Wan Ahmad to the Governor, 24 September 1882, CO 273/ 116.

¹⁷ Weld to Secretary of State, 22 December 1883, CO 273/123

¹⁸ Eunice Thio, "The Extension of British Control to Pahang," hlm. 54.

¹⁹ Linehan, *A History of Pahang*, hlm. 106.

²⁰ Thio, "The Extension of British Control to Pahang," hlm. 55.

²¹ *Ibid.*, hlm. 58.

²² Frank A Swettenham, 1885, "Journal kept during a Journey across the Malay Peninsula", *Journal of Straits Branch, Royal Asiatic Society (JSBRAS)*, No 15, hlm. 1-38.

ada pelombong-pelombong Cina mengusahakan perlombongan emas di Pahang. Sewaktu tiba di Lipis, Swettenham telah mendapat tahu bahawa terdapat kegiatan perlombongan emas. Dalam catatannya Swettenham mengatakan:

“He (Che Wan Da) told me there was a large gold mine called Jali, worked by Chinese, an hour’s walk from here”.

Seterusnya mencatatkan;

“I heard from the Chinese that there is plenty of gold in the country, but no one can live here owing the injustice, “squeezing” and want of government.”²³

Melalui pengalamannya, Swettenham beranggapan negeri Pahang yang jauh ketinggalan berbanding Perak dan Selangor tidak mampu dimajukan tanpa bantuan dan nasihat British. Harga barangan utama adalah mahal kerana kegiatan membawa masuk barangan dilakukan oleh orang-orang Cina yang tinggal di Pekan. Peniaga memonopoli barangan dan menaikkan harga sesuka hati. Manakala orang-orang Melayu yang banyak menjadi petani dan nelayan dilaporkan dalam keadaan miskin. Swettenham mendapati British mempunyai potensi besar untuk menguasai kekayaan sumber galian dan hutan di Pahang sekiranya dapat mengadakan hubungan baik dengan pembesar-pembesar yang berpengaruh di Pahang khususnya To’ Gajah, Tuan Hitam dan OrangKaya Bakti.²⁴ Bagaimanapun matlamat utama Swettenham untuk mengadakan perjanjian bagi campurtangan British di Pahang gagal. Kegagalan ini berpunca daripada tindakan Wan Ahmad dapat mencari alasan bahawa beliau tidak dapat bersetuju dengan campurtangan British kerana perlu membincangkan cadangan tersebut dengan pembesar-pembesar Pahang. Malahan mengikut undang-undang negeri, ia perlu mendapatkan persetujuan daripada ahli majlis negeri Pahang, walaupun ditekan oleh Swettenham

Selepas kegagalan misi Swettenham, Frederick Weld yang sedang bercuti di London berusaha membentangkan rancangan untuk campurtangan British di Pahang untuk mendapat kelulusan Setiausaha Kolonial. Pada 31 Mei 1886, Weld bersama satu rombongan besar bersama-sama Hugh Low, Residen Perak; John Rodger, Pemangku Residen Selangor dan Hugh Clifford, (anak saudara Weld); Martin Lister, pegawai di Negeri Sembilan; Raja Dris, ketua hakim Perak dan lain-lain pergi ke Pahang melalui Singapura. Kesungguhan Weld untuk bertemu Bendahara Wan Ahmad ada kaitan dengan khabar angin yang mengatakan rombongan kerajaan Perancis telah melawat Pahang dan mengambil beberapa surat daripada Bendahara dan pembesar-pembesar tempatan.²⁵ Walaupun ditekan oleh Weld, namun akhirnya Bendahara Wan Ahmad masih enggan mengadakan sebarang bentuk perjanjian bertulis dengan pihak British.

Weld yang gagal sebelum ini masih berusaha untuk campurtangan di Pahang. Pada 13 Januari 1887, Weld menghantar Hugh Clifford, yang ketika itu berusia 20 tahun memasuki Ulu Pahang dari Selangor dan mengikuti laluan yang sama digunakan oleh Swettenham. Selepas beberapa minggu menunggu, Clifford berjaya mendapatkan

²³ Ibid., hlm. 16.

²⁴ Ibid., hlm. 35.

²⁵ Eunice Thio, “The Extension of British Control to Pahang”, hlm. 60

perjanjian dengan Bendahara Wan Ahmad (yang kemudiannya dipanggil Sultan Ahmad) untuk menerima kehadiran seorang Residen British. Kejayaan Clifford adalah disebabkan campurtangan Menteri Besar Johor dan Syed Alsagoff atas perintah Sultan Johor menasihatkan Bendahara supaya bersetuju mengadakan perjanjian dengan British.²⁶ Persetujuan ini adalah berasaskan kepada perkembangan sebelum ini iaitu pada bulan April 1886, Sultan Johor yang berpengaruh di Pahang memaklumkan Pejabat Kolonial bahawa Bendahara Wan Ahmad bersedia mengadakan perjanjian dengan Britain.

Dengan adanya perjanjian campurtangan British, kehadiran Clifford dan rombongan diterima di Pahang dan memberikan peluang kepada beliau untuk menjelajah negeri ini yang sebelum ini masih belum diketahui oleh orang-orang Eropah. Clifford tinggal untuk tempoh beberapa bulan di Pahang dan pada 1887 dan 1888 antara bulan April hingga Mei beliau menjelajah ke utara Pahang menggunakan Sungai Lipis tempat yang dipanggil Penjom kemudian menyeberang ke Raub dan Bentong, keluar daripada dalam negeri menggunakan Sungai Semantan dan Sungai Pahang. Catatan perjalanan beliau ditulis dalam diari peribadi beliau tahun 1888.²⁷ Tiga perkara penting yang dilaporkan oleh Clifford ialah keadaan kemunduran orang Melayu yang hidup dalam kemiskinan; penguasaan para pembesar tempatan terhadap aktiviti perlombongan emas; penguasaan kuat Wan Ahmad dalam pentadbiran di Pahang serta keengganan beliau menyerahkan tahtanya kepada adik beliau (Wan Mansur). Catatan ini amat berguna dan buat julung kalinya ia telah memberikan gambaran negeri Pahang dan kehidupan masyarakat Melayu di Pekan yang kuat menyokong Wan Ahmad. Ia mengubah strategi British yang sebelum ini mengharapkan Wan Mansur dapat menggantikan Wan Ahmad, menyebabkan mereka mengadakan langkah untuk berbaik dengan Wan Ahmad.

Minat untuk mengetahui keadaan sebenar negeri Pahang juga telah membawa kepada usaha Clifford dan Weld untuk menjadikan negeri ini sebagai tanah jajahan British. Paling dominan ialah imej lama Pahang sebagai tanah yang luas dan kaya yang masih belum diterokai dilakukan oleh Frank Swettenham, Hugh Clifford dan Sir Frederick Weld melalui laporan-laporan mereka. Swettenham dan Clifford pada ketika ini adalah diperingkat awal karier mereka dalam perkhidmatan pentadbiran British masih muda, bersemangat tetapi kurang berpengalaman. Cuma Sir Frederick Weld, Gabenor Negeri-negeri Selat yang dianggap pentadbir yang matang tetapi tidak biasa dengan keadaan dalaman negeri Pahang; menghadapi cabaran untuk meyakinkan pegawai-pegawai Pejabat Tanah Jajahan (Colonial Office) khususnya Lord Kimberly, Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan pada 1881 bahawa campurtangan di Pahang adalah perlu.²⁸ Di negeri-negeri Selat, orang ramai cuma boleh membayangkan apa yang akan terjadi kepada negeri Pahang jika sumber ekonomi yang banyak itu dieksplorasi secara agresif. Dalam usaha meyakinkan pejabat Tanah Jajahan, Weld telah memberikan gambaran yang amat menarik mengenai negeri Pahang dalam Majlis Perundangan Singapura. Katanya

“Pahang is an exceedingly rich country, richer probably and larger than Perak; it marches with all our native states and with good government is capable of great and immediate progress ... Perak and Selangor were

²⁶ Ibid., hlm. 64; Linehan, *History of Pahang*, hlm. 111.

²⁷ H. Clifford, “Journal of Mission to Pahang”, dalam Hugh Clifford Diaries 1888, CO 273/144.

²⁸ Kimberley’s minute of 14 January 1881, CO 273/104; Eunice Thio, “The Extension of British Control to Pahang,” hlm. 49.

very small a short while ago but have far more than compensated for the loss of our trade with Archeen, and Pahang is probably richer than Perak and Selangor and may one day comepesate, or help materially to comepesate, for the proportion of loss we may suffer from trade restrictions at Saigon. Pahang should, in my opinion, be penetrated by roads from Perak and Selangor at the Ulu, also via Jelebu and south by a railway from Malacca which should eventually reach T(P)ekan ..”²⁹

Sir Cecil Clementi Smith, pengganti Weld juga memberikan sentimen yang hampir sama apabila beliau menulis pada tahun berikutnya;

*“Pahang is indubitably the richest and most favoured state in the Peninsula and has only to be properly governed to ensure rapid development and future prosperity”.*³⁰

Tahun 1888 merupakan titik tamatnya era sistem tradisional Pahang dan bermula 1889 Pahang ditadbir secara sistematik mengikut kaedah pentadbiran British. Menjelang 1889, sistem pentadbiran British telah dibentuk di Pahang melalui penempatan Residen British yang pertama iaitu J.P. Rodger. Beliau disokong oleh 15 orang pegawai-pegawai Eropah. Sultan dan pembesar-pembesar tempatan telah dilantik di dalam Majlis Negeri dan diberikan elaun tetap dan pihak British diberikan kuasa mengutip cukai dan mengadakan pentadbiran awam di Pahang. Pahang dibahagikan kepada enam daerah dan setiap satu diketuai oleh Pegawai Daerah yang berfungsi sebagai pemungut cukai dan majistret. Pegawai-pegawai Eropah yang lain diberikan tugas dalam jabatan-jabatan seperti kerja raya, polis dan perlombongan. Persoalan yang ingin dilihat ialah bagaimanakah kedudukan masyarakat Melayu Pahang dengan kewujudan sistem pentadbiran British? Apakah terdapat perubahan besar dari segi kehidupan terutamanya aktiviti ekonomi mereka?

Gambaran Masyarakat Melayu Pahang Abad ke 19

Di zaman sebelum kedatangan British ke Pahang, negeri ini didominasi oleh orang-orang Melayu. Di samping itu terdapat masyarakat orang asli yang dikenali sebagai Semai dan Jakun yang mendiami kawasan pedalaman negeri ini. Orang-orang Cina adalah orang asing yang paling awal mendiami negeri Pahang tetapi jumlah mereka adalah kecil. Kebanyakan orang-orang Cina ini bekerja sebagai pelombong emas di Raub dan juga sebagai peniaga di Pekan. Pada ketika Swettenham menjelajah Pahang pada tahun 1885 terdapat sekitar 200-300 penduduk Cina. Bagaimanapun menjelang pentadbiran British pada tahun 1891 sudah terdapat sebanyak 3,241 orang-orang Cina mendiami Pahang. Kedatangan orang-orang asing pada ketika ini juga dipengaruhi oleh pengenalan sistem kapal wap yang lebih kerap dari Singapura ke Kuala Pahang dan Kuantan.³¹

²⁹ CO 273/ 148; Cant, “An Historical Geography of Pahang,” hlm. 47.

³⁰ R.G. Cant, “An Historical Geography of Pahang,” hlm.29.

³¹ Census of Pahang, 1891, *Straits Settlement Government Gazette*, 1892. hlm. 2401; Cant, “An Historical Geography of Pahang,” hlm. 31.

Sebelum kedatangan British, masyarakat Melayu Pahang boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu;

1. Golongan Bangsawan yang kecil bilangan dan merupakan kelompok minoriti tetapi berkuasa.
2. Golongan rakyat bebas kelas pertengahan yang besar bilangan dan merupakan kelompok majoriti, dan
3. Golongan hamba yang kecil bilangannya.

Apabila negeri ini ditadbir oleh sistem pentadbiran British, langkah awal yang telah diambil oleh pegawai-pegawai British ialah menghapuskan sistem perhambaan yang sedia ada wujud di negeri Pahang. Tindakan ini menggugat kedudukan golongan kaya yang memiliki hamba bagi kepentingan bekerja di sawah dan kebun mereka. Rasa tidak puashati juga wujud di kalangan golongan kaya kerana mereka tidak diberikan pampasan oleh pentadbiran British untuk membebaskan hamba-hamba. Bagaimanapun pihak British berhadapan dengan masalah kewujudkan masalah di kalangan golongan hamba yang dibebaskan kerana walaupun mereka dimerdekakan, namun bekas-bekas hamba tersebut enggan meninggalkan kediaman asal yang diberikan oleh tuan-tuan mereka kerana mereka tiada pekerjaan dan tempat lain untuk dituju. Hamba-hamba berkenaan tiada mempunyai wang dan harta benda seperti tanah dan rumah. Peluang pekerjaan juga adalah terhad kecuali di bandar-bandar besar sedangkan dalam masa yang sama golongan hamba tiada mempunyai kemahiran pekerjaan di sektor ekonomi yang lain.

Salah satu pekerjaan yang menjadi tumpuan ialah sebagai buruh yang bekerja di atas tongkang-tongkang milik pedagang Cina yang belayar dari bandar Pekan ke Kuala Lipis dan Pekan ke Kuala Lipis. Namun demikian pekerjaan buruh kapal tidak menyediakan banyak peluang perkerjaan. Gaji yang dibayar adalah sekitar 10-12 dollar negeri Selat seorang sebulan di atas kapal dari Kuala Lipis ke Pekan.³² Perjalanan antara dua bandar ini mengambil masa selama enam minggu ketika sungai dalam keadaan normal. Ketika musim banjir, terutamanya dari bulan Oktober hingga Disember, tempoh masa perjalanan akan mengambil masa selama sehingga dua bulan. Kepesatan pembangunan di daerah Pahang terutamanya di Pekan dan kawasan-kawasan perlombongan yang lain telah mempengaruhi kepada peningkatan penggunaan tongkang. Tongkang telah menjadi medium pengangkutan yang penting untuk menampung kegiatan sosio-ekonomi masyarakat Melayu Pahang. Selain itu tongkang juga digunakan bagi memunggah barang-barang daripada kapal-kapal yang berlabuh di muara Sungai Pahang di Pekan.

Penduduk yang terdiri daripada orang biasa tinggal di kampung-kampung adalah kebanyakannya miskin. Mereka tidak menikmati kemewahan sehinggakan tidak mampu membeli minyak tanah untuk pelita bagi menerangi pondok. Lampu yang digunakan dibuat daripada kayu-kayu kecil dan getah-getah pokok yang diikat di atas daun kelapa yang mengeluarkan asap yang tebal yang menghitamkan rumah mereka. Kebanyakan mereka tidak mempunyai wang tunai dan penduduk menjalankan kegiatan *barter trade*. Kegiatan ekonomi mereka adalah amat terhad dan bergantung kepada sungai dan hutan sebagai hasil usaha mereka. Hasil-hasil tangkapan di sungai atau hasil hutan yang diperolehi digunakan sebagai pertukaran dengan bahan keperluan asasi seperti makanan

³² Mahmud Mat, 1997, *Tinggal Kenangan: The Memoirs of Dato' Sir Mahmud bin Mat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 4-5.

ataupun pakaian. Bagaimanapun pakaian adalah satu kemewahan dan sukar diperolehi setiap masa sebaliknya penduduk berusaha mendapatkan makanan. Penduduk mengusahakan tanaman makanan seperti sayuran dan pisang yang sukar untuk disimpan atau dijual menyebabkan ia tiada nilai ekonomi.

Sistem perhubungan terpenting negeri Pahang pada abad ke 19 ialah kapal wap yang menghubungkan Pekan dan Singapura. Ini seperti mana dicatatkan oleh Sir Mahmud Mat dalam pelayarannya untuk ke Maktab Melayu Kuala Kangsar; “*We traveled in a houseboat down the Pahang River to Kuala Pahang accompanied by our parents and close relatives*”.³³ Dari Kuala Pahang barulah terdapat perkhidmatan kapal wap yang datang dari Kuantan untuk menuju ke Singapura.³⁴ Sebahagian orang-orang Cina tinggal di bandar-bandar seperti Pekan, kawasan perniagaan di Penjom dan kawasan perlombongan di Ulu Pahang dan Ulu Kuantan. Sewaktu musim panas, mereka juga kemudiannya terlibat dalam kegiatan pembalakan. Sungai Pahang digunakan sebagai laluan perhubungan yang penting bagi orang-orang Cina terutamanya yang berniaga. Swettenham turut mencatatkan bahawa pada tahun 1885 terdapat kilang-kilang gula yang diusahakan oleh orang-orang Cina di sebelah muara Sungai Pahang di antara Pulau Tawar dan Temerloh.

Taraf kehidupan orang-orang Melayu di Pahang sekitar 1880-an adalah amat rendah. Sebahagian besar penduduk adalah buta huruf dan tidak mengambil kisah mengenai pendidikan dan kesihatan. Penyakit tropika yang dialami seperti Taun, Kepialu dan Malaria adalah musuh nombor satu dipengaruhi oleh kedudukan rumah dan tempat tinggal mereka yang tertumpu di tepi-tepi sungai dan kawasan berpayau. Tiada terdapat hospital sebaliknya semua sakit yang dialami oleh penduduk dirujuk kepada Pawang atau Bomoh. Masyarakat Melayu kuat mempercayai kepercayaan karut seperti hantu, roh jahat dan berbagai kehidupan halus. Pada kebiasaannya penyakit dikaitkan dengan unsur-unsur jahat yang mengganggu pesakit. Oleh itu mereka kuat berpegang kepada pantang larang dalam kehidupan, ketika berkerja di hutan mahupun di laut. Kehidupan masyarakat Melayu ini dipengaruhi oleh pandangan Bomoh atau Pawang mempunyai kedudukan tinggi dalam kehidupan masyarakat.³⁵

Tiada bilangan tepat terhadap jumlah orang-orang Melayu yang berada di negeri Pahang sebelum kedatangan British. Ini kerana tiada langkah untuk mencatatkan jumlah penduduk kerana tiada sistem yang dapat merekod jumlah mereka. Selepas British datang ke Pahang, beberapa usaha dibuat bagi mencatatkan jumlah orang-orang Melayu. Pada tahun 1888 dianggarkan terdapat seramai 48,000 orang Melayu di Pahang. Bagaimanapun pegawai-pegawai British tidak dapat memperincikan jumlah orang-orang Melayu yang tinggal di kampung-kampung. Tumpuan masyarakat Melayu adalah ditepi-tepi sungai Pahang, Jelai, Lipis dan Tembeling bersama-sama lembah-lembah kecil di

³³ Sir Mahmud Mat dilahirkan di Pekan Pahang pada 1894. Beliau adalah bekas pegawai perkhidmatan Tanah Melayu yang pernah menjadi Penolong Pegawai Daerah di Lipis, Temerloh, Kuantan dan Sitiawan dari Julai 1920 hingga Ogos 1932. Menjelang Ogos 1932 dilantik menjadi Pegawai Daerah di Hulu Perak dan kemudiannya menjadi Pentadbir Tanah di Perlis, Pegawai Daerah di Kuantan dan kemudiannya menjadi Pentadbir Tanah di Kuala Lumpur. Menjelang tahun 1948 beliau dilantik menjadi Menteri Besar Pahang yang pertama. Kemudiannya dilantik menganggotai Majlis Eksekutif Persekutuan sebagai ahli Tanah, Perlombongan dan Komunikasi. Jawatan terakhir beliau ialah sebagai Speaker Dewan Rakyat. Beliau dianugerah gelaran Sir oleh dari kerajaan Britain pada tahun 1952.

³⁴ Mahmud Mat, *Tinggal Kenangan*, hlm. 50-1.

³⁵ Ibid.

Ulu Pahang seperti di Gali, Dong, Atok, Budu, Lalang, Teris dan Talang.³⁶ Walaubagaimanapun hanya terdapat sebilangan penempatan kecil di sebelah selatan Sungai Pahang.

Pada tahun 1891 dicatatkan terdapat seramai 51,146 orang Melayu di Pahang tidak termasuk seramai 200 orang tinggal di kawasan istana dan orang Melayu di lembah Semantan seramai 150 orang.³⁷ Purata peningkatan jumlah orang Melayu yang dicatatkan di antara 1891-1901 adalah seramai 1,500 orang setahun. Jumlah penduduk di Pahang yang dicatatkan pada tahun 1888 adalah seperti jadual 1.

Jadual 1: Anggaran Jumlah penduduk Pahang 1888 dan 1891

Kaum	Anggaran 1888	Anggaran 1891
Melayu	48,000	51,146
China	1,500	3,241
Eropah	15	102
Kaum asli	10,000	2,032
Jumlah	59,515	57,444

Sumber: *Pahang Annual Report, 1888*, hlm. 1195.

Adalah dianggarkan terdapat seramai 48,000 orang Melayu mendiami negeri Pahang pada tahun 1888. Kadar kepadatan penduduk Melayu pula adalah sekitar 3.5 orang sebatu persegi. Kebanyakan penempatan orang Melayu adalah berhampiran sungai dan sedikit penempatan di tepi pantai. Seperti mana dengan negeri-negeri lain di semenanjung, sungai memainkan peranan penting dalam kehidupan dan kegiatan ekonomi masyarakat Melayu Pahang. Kawasan yang mudah bergerak adalah di sepanjang sungai Pahang disamping membekalkan sumber makanan seperti ikan yang menjadi sumber protein terpenting. Sungai juga membekalkan sumber air minuman. Walaupun negeri Pahang mempunyai banyak sungai, tetapi tidak semua sungai menjadi kawasan penempatan orang-orang Melayu. Sebaliknya orang-orang Melayu tertumpu di Jelai, Lipis dan Tembeling, dan di lembah-lembah kecil di Ulu Pahang seperti di Gali, Dong, Atok, Budu, Lalang, Teris dan Talang.³⁸ Terdapat juga beberapa penempatan orang Melayu di selatan Sungai Pahang. Bagaimanapun kawasan di tenggara Pahang tidak menjadi tumpuan kepada orang-orang Melayu kerana kawasan ini menghadapi kesukaran perhubungan dan letaknya dalam kawasan pendalaman. Hanya terdapat beberapa kampung di kawasan ini seperti Beserah, Kuala Pahang dan Kuala Rompin.

Sekitar 1880an hanya terdapat dua buah bandar yang maju iaitu Pekan dan Penjom, sebuah bandar perlombongan. Pekan merupakan bandar terbesar di Pahang, binaan rumah Melayunya sama ada terletak di sekitar muara sungai atau di tengah-tengah. Terdapat bangunan-bangunan yang tersergam iaitu dua buah masjid, istana Sultan dan rumah-rumah moden yang dibina oleh orang Eropah dari Singapura. Swettenham mencatatkan kegiatan perniagaan di Pekan adalah tertumpu di dua barisan rumah kedai yang mengadap atau bertentangan satu sama lain mengandungi sekitar 40-50 buah rumah kediaman. Masih belum ada peniaga Cina yang dicatatkan pada ketika ini.

³⁶ Cant, *An Historical Geography of Pahang*, hlm. 33.

³⁷ A.M Pountney, *Census of the Federated Malay States 1911*, hlm. 48

³⁸ Cant, *An Historical Geography of Pahang*, hlm. 33.

Penjom pula adalah merupakan kampung kecil yang terletak di tengah-tengah sungai Lipis berhampiran lombong emas. Laluan ke muara terganggu dengan adanya jeram di Benta dan juga halangan di Budu, Raub dan Ulu Lipis. Pada tahun 1887, ketika Clifford melawat Penjom beliau mencatatkan bahawa kawasan ini mempunyai ramai penduduk Cina berbanding Melayu. Ia merupakan kawasan paling hampir dengan lombong emas di Jelai. Di tengah-tengah barisan rumah kedai tersergam rumah To' Kaya Setia Wangsa, iaitu ketua/pembesar Lipis.³⁹

Perikanan di Pantai Pahang

Kegiatan perikanan tepi pantai bukanlah merupakan kegiatan penting orang-orang Melayu Pahang. Penempatan atau kampung-kampung nelayan tepi pantai di negeri ini adalah kecil bilangannya sebelum kedatangan British. Perkembangan selepas itu adalah dikaitkan dengan keadaan kegiatan perikanan di Pantai Timur yang telah menggalakkan kedatangan nelayan dari Kelantan dan Terengganu. Bagaimanapun kegiatan perikanan di Pahang tidaklah memberi pendapatan lumayan kepada nelayan. Di samping itu faktor cuaca iaitu berlakunya musim monsun Timur-laut dengan angin kuat menyukarkan kegiatan perahu-perahu kecil, sekaligus menjadi mustahil untuk dibina kelong seperti di pantai barat. Orang-orang Melayu Pahang lebih menumpukan perhatian mereka kepada bidang pekerjaan yang lain terutamanya penghasilan sumber hutan dan pertanian secara kecil-kecilan.

Dalam bulan Julai 1890, pegawai daerah Kuantan telah melawat kawasan pantai di antara Kuantan dan Terengganu tetapi melaporkan bahawa hampir tiada kegiatan nelayan di kawasan ini.⁴⁰ Kegiatan nelayan di Pahang diceburi oleh kebanyakannya orang-orang Melayu yang bersal dari Terengganu dan telah lama menetap di sekitar kawasan pantai negeri Pahang. Pada tahun 1894, Pegawai Daerah Kuantan melaporkan perkembangan kegiatan nelayan di kawasannya. Dalam laporannya beliau mengatakan terdapat hampir 300 bot dari pelbagai bentuk beroperasi di pantai Pahang. Sebanyak 48 buah mempunyai kepanjangan melebihi 30 kaki, manakala 20 buah yang berpangkalan di Kuala Pahang berupaya beroperasi di waktu cuaca mencabar. Sebahagian besar nelayan yang bekerja terdiri daripada orang-orang Melayu yang berasal dari Kelantan dan Terengganu yang akan pulang ke kampung halaman mereka pada musim tengkujuh ataupun tidak bekerja pada musim berkenaan.⁴¹ Oleh itu kegiatan nelayan bukanlah merupakan kegiatan yang popular di kalangan orang-orang Melayu Pahang tetapi ia diceburi oleh orang-orang Melayu luar Pahang. Sehingga 1930-an nelayan masih belum menjadi satu kegiatan ekonomi yang diminati oleh orang-orang Melayu Pahang. Malahan teknologi perikanan seperti pukot, bot dan kaedah tangkapan adalah dipengaruhi daripada Terengganu dan Kelantan.

Kesimpulan

Gambaran awal mengenai negeri Pahang telah memberikan kesan positif kepada pandangan pegawai-pegawai British yang percaya negeri ini mempunyai sumber bijih

³⁹ Clifford, *In Court and kampong*, 1887, hlm. 225

⁴⁰ Kuantan 257/90.

⁴¹ *Report of Pahang Fisheries in Kuantan* 340/94.

timah dan berpotensi besar untuk dieksploitasi. Tambahan pula negeri ini yang mempunyai keluasan besar masih belum dikuasai oleh mana-mana pihak luar. Usaha pegawai-pegawai British untuk campurtangan dalam negeri Pahang melalui sistem Residen berjaya dilaksanakan pada 1888 tetapi ia sebenarnya tidak banyak mengubah bentuk kehidupan orang-orang Melayu Pahang selepas itu. Sebelum kedatangan British ke negeri Pahang, pegawai-pegawai British tidak mempunyai pengetahuan luas mengenai sejarah dan masyarakat Melayu negeri ini. Usaha mereka adalah terhad kerana orang-orang Eropah tidak digalakkan membuat pengembaraan di negeri ini terutamanya daripada pegawai-pegawai British. Bagaimanapun dengan adanya pengembaraan yang dilakukan Frank Swettenham (1885), Cecil Clementi Smith (1886), Frederick Weld (1886), Clifford (1886, 1887, 1888), mereka dapat mengumpul maklumat mengenai kegiatan penduduk dan sikap pembesar-pembesar Pahang terhadap pihak British. Selain keadaan orang Melayu yang mundur dan miskin, pegawai-pegawai British mendapati negeri ini dilanda oleh perebutan kuasa antara Wan Ahmad dan Wan Mansur. Bagaimanapun langkah cuba mengambil kesempatan untuk campurtangan di Pahang dengan menggunakan masalah perebutan kuasa ini tidak berjaya akibat tindakan Wan Ahmad yang bijak mengelakkan diri.

Laporan yang diberikan oleh pegawai-pegawai British menjelaskan bahawa masyarakat Melayu Pahang pada abad ke 19 adalah kelompok yang dominan di bandar-bandar utama di negeri ini. Kehidupan mereka adalah mudah (simple), tetapi kuat berpegang kepada kepercayaan tradisional Melayu. Orang-orang Melayu tidak terlibat sepenuhnya dalam kegiatan perdagangan dan perniagaan, malahan kegiatan pekerjaan komersil yang hanya mula berkembang pada 1870-an dilakukan oleh masyarakat luar terutamanya orang-orang Cina. Bagaimanapun disebabkan kadar cukai yang tinggi dikenakan kepada peniaga, ianya menyebabkan orang-orang Cina enggan tinggal di Pahang. Maklumat yang diperolehi oleh pegawai-pegawai British menyebabkan mereka memikirkan adalah perlu bagi Pahang diletakkan di bawah pentadbiran British bagi membolehkan kegiatan ekonomi berkembang yang boleh menjamin kekukuhan ekonomi British di sebelah pantai Timur Tanah Melayu. Walaubagaimanapun British hanya berjaya campurtangan di Pahang pada tahun 1888 dan melantik J.P. Rodger sebagai residen British yang pertama di negeri ini.

Bibliografi

- Cant, R.G. 1973. *An Historical Geography of Pahang, Monograph of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society*. Singapore: Times Printers Sdn. Bhd
- Census of Pahang, 1891, Straits Settlement Government Gazette, 1892.
- Clifford, H., "Journal of Mission to Pahang", dalam Hugh Clifford Diaries 1888.,CO 273/144, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Clifford, H. 1927. *In Court and kampong*. London: Grant Richards,.
- CO 273/ 116: Colonial Office, Straits Settlements Original Correspondence.
- CO 273/ 148: Colonial Office, Straits Settlements Original Correspondence.
- CO 273/123: Colonial Office, Straits Settlements Original Correspondence.
- Daly, D.D. 1889. "Survey and Explorations in the Native States of Malayan Peninsula", *Geographical Journal*, Vol. 4.

- Davison, W.M., 1889. "Journal of a Trip to Pahang with H.E. the Governor, August 17 to 27, *Journal of the Straits Branch, Royal Asiatic (JSBRAS)*, No. 20.
- Horsburgh, J. 1920. *The Indian Directory*. Volume II.
- Linehan, W. 1936, "A History of Pahang". *Journal of the Malayan Branch, Royal Asiatic (JMBRAS)*. Vol. 14 (2).
- Linehan, W. 1972. *A History of Pahang*. Monograf. Kuala Lumpur.: Malayan Branch, Rooyal Asiatic Society (MBRAS),
- Lovat, Lady Alice. 1924. *The Life of Sir Frederick Weld: A Pioneer of Empire*. London: Publisher Unknown.
- Mahmud Mat. 1997. *Tinggal Kenangan: The Memoirs of Dato' Sir Mahmud bin Mat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mills, L.A. 1972. "British Malaya". *Journal of Malayan Branch, Royal Asiatic Society JMBRAS*. III(94): Part 2.
- Pahang Annual Report*, 1895.
- Report of Pahang Fisheries in Kuantan 340/94*.
- Scrivenor, J.B. 1947. The Geology of Malaya dan J.A Richardson, "An Outline of the Geomorphological Evolution of British Malaya. *Geological Magazine No 8*. *Selangor Journal*, Vol 2, 1894.
- Swettenham, Frank A. 1885. "Journal Kept during a journey across the Malay Peninsula 1885," *Journal of Malayan Branch, Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, No. 15.
- Thio, Eunice. 1957. "The Extension of British Control to Pahang". *Journal of Malayan Branch, Royal Asiatic Society (JMBRAS)*. 30(1).